

**BAB  
KEEMPAT**

## **BAB KEEMPAT**

### **PENGARUH PENDIDIKAN TOKOH**

#### **4.1 Pendahuluan**

Sudah menjadi tradisi alam bahawa serentak dengan kelahiran atau kedatangan Agama Islam - di mana-mana pun, muncullah bersama-sama dengannya ilmu pengetahuan dan pendidikan. Kedua-duanya merupakan angkubah yang saling berkait antara satu sama lain, juga boleh diibaratkan seperti roh dengan jasad bagi sesuatu badan. Tidak bergerak jasad tanpa adanya roh. Begitu juga tidak sempurna roh tanpa jasad. Dengan kata lain bahawa ilmu pengetahuan merupakan alat yang paling unggul dalam pengukuhan iman dan taqwa. Ini kerana tidak sempurna iman seseorang tanpa adanya ilmu pengetahuan.

◆◆◆◆◆

Begitulah juga fenomena yang turut berlaku di rantau ini khususnya di Tanah Melayu. Serentak dengan kedatangan Islam ke sini, maka ilmu pengetahuan dan pendidikan telah berkembang bersama perkembangan Islam.

## **4.2 Tuan Guru Haji Omar Pelopor Pusat Pengajian Pondok**

Tuan guru merupakan seorang yang mendalami ilmu agama dan salah seorang cerdik pandai agama yang dijadikan tempat rujukan masyarakat terutama dalam soal agama. Dalam pendidikan agama, tokoh ini telah menyumbangkan beberapa perubahan seperti pembukaan pondok, melahirkan tokoh-tokoh agama dan kegiatan agama di kalangan penduduk sekitar.

### **4.2.1 Penubuhan pusat pengajian (pondok)**

Sistem pondok merupakan tempat pembelajaran dan pengajian ilmu agama pada suatu ketika dahulu. Sebelum wujudnya sekolah, sistem pondok amat terkenal dan mendapat perhatian masyarakat. Suatu ketika dahulu pada awal kurun yang ke-19, sekolah pondok banyak yang didirikan untuk menyampaikan ilmu agama.

#### **4.2.1.1 Pengertian Pondok**

##### **4.2.1.1.1 Pengertian Menurut Bahasa Arab**

Perkataan pondok berasal daripada perkataan Arab iaitu (*fundūqun*) bererti rumah tumpangan atau tempat menginap pengembara-pengembara.<sup>1</sup>

Ada pula yang mendefinisikan sebagai rumah kecil yang didirikan di ladang, hutan, tempat tinggal sementara, tempat berteduh di tepi-tepi jalan atau di tempat-tempat lain. Ada pula yang mendefinisikannya sebagai madrasah, tempat belajar agama Islam, Pesantren di Jawa, Suram di Sumatera Barat dan Munasah di Aceh.<sup>2</sup>

Kesimpulannya, dapatlah dierangkan, bahawa perkataan pondok ialah rumah-rumah kecil yang didirikan sebagai tempat tinggal pelajar yang berhampiran dengan surau atau madrasah dan juga rumah tok guru di sebuah kawasan khas. Semua komponen bangunan tersebut dipanggil “**Pondok**”.

Di Tanah Melayu, pondok ini membawa makna sebuah institusi pendidikan agama Islam bersendirian serta mempunyai asrama. Sebahagian besar guru pondok merupakan individu yang berpengaruh dan biasanya menyampaikan pelajaran secara sukarela. Orang kampung akan berkerjasama menyediakan rumah untuk tuan guru dan pondok untuk pelajar. Pondok itu lazimnya berdekatan dengan rumah Tuan Guru.

Di sekolah pondok, pelajar-pelajar duduk secara bersila di atas lantai, mata pelajaran yang diajar seperti Hadith, Tasawuf, Feqah, Tauhid, Tafsir, Doa-doa harian, bahasa Arab dan penulisan jawi. Matlamat sebenarnya ialah untuk melahirkan individu yang arif mengenai hukum-hukum agama, tahu beribadat dengan betul dan bermoral tinggi.<sup>3</sup>

#### **4.2.1.2 Sejarah Penubuhan Pondok Tuan Guru Hj. Omar**

Pada abad yang ke-19, perkembangan usaha membuka pondok di Besut sangat menggalakkan.<sup>3</sup> Ia bermula dengan pembukaan pondok Tuan Guru Haji Hassan Al-Patani, diikuti oleh Tuan Guru Hj. Husein dan Tuan Guru Hj. Said. Dan kemudiannya dipelopori pula oleh pengasas pondok Kampung Raja iaitu Tuan Guru Hj. Omar yang merupakan anak jati Besut turut sama membuka pusat pengajian pondok dengan mendapat sokongan Raja Besut.

Pembukaan pondok ini pada mulanya tidak dirancang oleh beliau. Sekembalinya Tuan Guru Haji Omar dari Mekah pada tahun 1919 beliau tidak terus membuka pondok. Malah beliau menjadikan masjid yang dibina oleh masyarakat kampung Palembang sebagai pusat pengembangan ilmu beliau. Tidak lama selepas itu, atas pertolongan orang kampung dan Raja Besut pada masa itu maka telah dibina institusi pengajian pondok di Kampung Palembang. Penubuhan pondok tersebut, telah menarik minat orang ramai yang ingin menghantar anak mereka ke situ. Antara pelajarnya terdiri daripada mereka yang berasal dari Kampung Raja, Kampung Lama, Kampung Sungai dan Kampung beliau sendiri. Malah ada yang datang dari Kelantan dan Selatan Thailand.<sup>4</sup>

Pada tahun 1932, satu kebakaran telah berlaku di Kampung Palembang yang melibatkan pondok-pondok dan rumah Tuan Guru sendiri. Kesan dari kebakaran ini, penduduk Palembang kehilangan harta benda mereka. Pelajar yang datang dari luar Besut terpaksa menumpang di masjid Kampung Raja.<sup>5</sup> Ada juga yang berpindah ke pondok-pondok lain seperti pondok Tuan Guru Haji Abbas di Bukit Puteri dan Pondok Tuan Guru Haji Wan Latif di Jerteh. Perpindahan ini juga turut dikaitkan dengan beberapa faktor lain yang berkaitan dengan persekitaran Kampung Palembang yang dianggap kurang sesuai untuk didirikan pusat pengajian pondok. Faktor-faktor itu ialah kawasan pondok terlalu sempit dan sering ditenggelami air.<sup>6</sup>

Tidak lama kemudian pondok baru mula dibina di atas tanah seluas lebih kurang tiga hektar di Kampung Beris, Kampung Raja, Besut, Terengganu. Dengan kerjasama masyarakat kampung dan pelajar-pelajar terbinalah sebuah surau baru sebagai tempat mengajar. ~~Di~~ sinilah dikatakan bermulanya era kegemilangan Tuan guru Haji Omar. Pondok-pondok didirikan semula bagi meneruskan pengajaran agama. Dianggarkan tujuh puluh buah pondok didirikan bagi menampung lebih kurang seratus lima puluh orang pelajar.<sup>7</sup>

#### **4.2.1.2.1 Kedudukan Pondok Tuan Guru Hj Omar**

Struktur penempatan pondok di Kampung Palembang juga dikatakan mempunyai persamaan dengan sistem pengajian yang terdapat di Masjid al-Haram, Mekah, iaitu tempat-tempat atau rumah-rumah pondok mengelilingi surau atau masjid. Manakala rumah Tuan Guru pula terletak di tepi masjid atau surau. Tidak seperti setengah pusat pengajian pondok lain, Tuan Guru Haji Omar tidak menghaskan pondok kepada golongan wanita. Bahkan ia hanya dikhaskan kepada kaum lelaki sahaja. Kaum wanita hanya menjadi pendengar sahaja, dan hari yang diperuntukan kepada mereka mendengar kuliah agama adalah pada petang Jumaat.

Tempat pengajian pelajar-pelajar ialah di surau yang berhampiran dengan pondok dan rumah Tuan Guru Haji Omar. Manakala pondok pula dijadikan sebagai tempat kediaman dan tempat mengulangkaji pelajaran bagi pelajar-pelajar. Kebiasaanya setiap pondok didiami oleh empat hingga lima orang pelajar.<sup>8</sup>

#### **4.2.1.2.2 Sokongan Raja Besut Terhadap Pembangunan Pondok**

Sokongan Raja Besut seperti Tengku Long merupakan antara faktor utama pondok Tuan Guru Haji Omar berkembang pesat. Tengku Long merupakan seorang yang kuat berpegang dengan agama. Bagindalah yang

dikatakan menjadi orang tengah dalam pembelian tanah tambahan bagi menambah bilangan pondok yang semakin meningkat. Bukan itu sahaja, malah Tengku Long juga turut menghantar anaknya (Tengku Mat) untuk belajar dengan Tuan Guru Haji Omar.<sup>9</sup>

Tuan Guru Haji Omar meninggal dunia pada 23.12. 1941 jam 2.30 petang di Kampung Raja, Besut.<sup>10</sup> Kematian beliau dikaitkan dengan sakit bisul. Kematiannya juga menyebabkan ramai di kalangan pelajarnya yang berpindah ke pondok lain. Pondok beliau ditinggalkan begitu sahaja tanpa ada pewaris yang sanggup meneruskan usahanya. Keadaan ini berlaku ekoran daripada ketiadaan pengganti yang berkelayakan yang mampu meneruskan pengajaran agama yang diasas oleh beliau. Sungguhpun begitu pemergian Tuan Guru Haji Omar bukanlah suatu pemergian yang biasa, kerana beliau telah meninggalkan sebuah institusi pengajian yang telah berjaya mendokong cita-cita Islam, sehingga begitu ramai pelajar-pelajar yang telah beliau lahirkan, dan begitu ramai orang kampung yang telah mengambil manfaat daripada pusat pengajian tersebut.

#### **4.2.1.3 Sistem Pengajian**

Kemasukan pelajar ke institusi pengajian pondok tidak dihadkan umurnya. Sesiapa yang mampu, asalkan pandai membaca al-Quran serta menulis jawi atau tamat pengajian agama peringkat permulaan di kampung akan diterima masuk.<sup>11</sup>

Demikianlah juga yang turut berlaku terhadap pondok Tuan Guru Hj. Omar, beliau tidak menghadkan umur dan kelayakan tertentu untuk belajar dipondoknya. Bahkan beliau akan menerima sesiapa sahaja yang berminat untuk belajar di situ. Tujuan utama beliau adalah ingin menyampaikan ilmu Islam kepada semua.

Beliau juga tidak mengenakan apa-apa bayaran pengajian sama ada secara bulanan atau tahunan. Sebagai pembalas perkhidmatan beliau, pelajar-pelajarnya secara sukarela seringkali menyumbangkan tenaga secara gotong-royong, seperti mengangkut air, membersih kawasan pondok dan surau di samping menolong kerja-kerja Tuan Guru seperti membelah kayu, mengambil air, menebas dusun dan kebun serta kerja-kerja yang lain.

Semua keperluan pelajar ditanggung oleh pelajar itu sendiri, sama ada tempat tinggal, pakaian dan makan minum. Pelajar-pelajarnya juga mestilah membina pondoknya sendiri sebelum daripada memulakan pengajian. Biasanya pondok-pondok ini akan dibina oleh keluarga pelajar itu sendiri. Begitu juga

sekiranya berlaku kerosakan pondok, pelajar itu sendirilah yang akan memperbaikinya. Selalunya mereka akan tolong-menolong antara satu sama lain.

Tuan Guru Hj. Omar juga sering mengajak pelajar untuk menjamu selera di rumahnya. Biasanya pelajar yang diajak itu adalah pelajar yang sering menolongnya di kebun.<sup>12</sup>

Sebagaimana umur yang tidak dihadkan, begitulah juga dengan jangka masa belajar tidak ditentukan sama ada lama atau pendek. Tuan Guru tidak memaksa pelajar tersebut untuk terus belajar di situ.

Tuan Guru Haji Omar juga tidak mengadakan sebarang peperiksaan bulanan, penggal atau tahunan kepada pelajar-pelajarnya. Bahkan kenaikan ke peringkat pengajian yang lebih tinggi adalah bergantung kepada kemampuan atau kebolehan seseorang pelajar itu ~~memahami~~ pelajaran atau kitab yang dipelajari. Bagi pelajar-pelajar yang pintar di dalam pelajaran beliau akan menggalakkan mereka untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kebiasaanya mereka memilih untuk melanjutkan pelajaran ke Mekah dan India. Lazimnya pelajar-pelajar ini melanjutkan pelajaran mereka dengan perbelanjaan sendiri.

Tidak terdapat sebarang pakaian rasmi yang dikenakan kepada pelajar yang mengaji di pondok beliau. Malah mereka boleh memilih sebarang jenis

pakaian yang mereka suka asalkan menutup aurat. Walau bagaimanapun, mereka tidak digalakkan memakai pakaian yang kurang manis dan kurang sopan dipandang masyarakat, terutama dari segi warna dan bentuk.

¶

Tuan Guru Haji Omar begitu komited dengan tugas dan tanggungjawab. Beliau tidak membenarkan pelajarnya keluar merayau-merayau pada waktu malam. Begitu juga mereka dilarang keras daripada berkelakuan tidak senonoh, seperti membuka aurat, tidak berkopiah, membuat bising di dalam pondok dan di luar pondok serta membuang masa. Walaupun di pondok beliau tidak ada badan disiplin atau badan hal ehwal pelajar, namun kepala telaah dan pelajar-pelajar lamalah yang di amanahkan untuk menjaga pelajar-pelajar.<sup>13</sup>

Kesimpulannya, walaupun pondok Tuan Guru Haji Omar tidak mempunyai peraturan tertentu yang menjadi garis panduan kepada pelajar-pelajar khususnya dalam soal disiplin. Namun begitu setiap ucapan atau amanat beliau amat diambil berat dan dipatuhi oleh semua pelajar dan penghuni pondok.

#### **4.2.1.4 Jadual Waktu Pengajaran**

Masa merupakan suatu faktor yang amat penting dalam perancangan pelajaran. Masa yang sesuai dapat menjamin pelajaran. Penentuan masa boleh mempengaruhi minat dan meningkatkan tahap kecerdasan otak seseorang.

Sungguhpun jadual belajar di pondok tidak tersusun sepetimana yang terdapat di sekolah-sekolah moden, namun ini bukanlah bererti pendidikan di institusi tersebut berjalan tanpa pedoman atau panduan.

Bagi pondoknya, Tuan Guru Hj. Omar sendiri yang menentukan jadual waktu berdasarkan masa dan mata pelajarannya. Oleh sebab itulah, beliau memiliki jadual pengajian yang padat. Boleh dikatakan bermula daripada selepas subuh hingga selepas Isyak, masa beliau dipenuhi dengan aktiviti pengajian. Namun begitu, beliau turut menetapkan beberapa hari yang tertentu sebagai cuti mingguan bagi pelajar-pelajarnya. Hari-hari tersebut ialah hari Selasa dan Jumaat. Pada hari tersebut pelajar-pelajar dibenarkan pulang ke kampung masing-masing. Manakala bagi Tuan Guru Haji. Omar pula, banyak menghabiskan masa di kebunnya.

Lazimnya , pengajian akan dimulakan selepas daripada waktu subuh. Kebiasaannya selepas daripada jemaah subuh Tuan Guru Haji Omar akan mengajar pelajar-pelajar dari peringkat tinggi dan senior. Bagi peringkat ini ilmu-ilmu yang diajar agak meluas dan mendalam dengan menumpukan kitab

berbahasa Arab di samping menekankan pengajian tatabahasa Arab iaitu Nahu dan Soraf.

Bagi sesi ini,<sup>4</sup> Tuan Guru Hj. Omar akan mengajar kitab-kitab seperti *Fath al-Wahāb*, *al-Maḥallī*, *Minhāj al-Ābidīn*, *Minhāj al-Tālibīn*, *al-Ashmūnī* dan lain-lain lagi secara bergilir-gilir. Sidang pagi ini dikatakan berakhir hingga jam 10.30 atau 11.00 pagi. .

Bagi sesi kedua iaitu selepas daripada waktu zohor, pengajian beliau disambung kembali. Kali ini beliau akan mengajar pelajar-pelajar daripada peringkat pertengahan dan rendah. Bagi pelajar-pelajar ini, beliau menggunakan kitab-kitab yang rendah dan bersesuaian dengan tahap pelajar tersebut. Kitab-kitab yang diajar di peringkat ini seperti kitab *al-Tahrīr*, *Qatr al-Nadā*, *Fath al-Qarīb* dan beberapa kitab yang setaraf dengannya. Sessi pengajian ini dikatakan berakhir hampir waktu asar.

◆◆◆◆◆

Apabila selesai solat Asar berjemaah, sesi pengajian beliau akan berhenti seketika sehingga waktu Maghrib. Pada waktu yang terluang itu, biasanya beliau isikan dengan mendengar hafalan daripada pelajar-pelajarnya.

Sesi ketiga ialah selepas Maghrib, iaitu selesai daripada makan malam, pengajian beliau diteruskan kembali. Pengajaran pada kali ini terbuka kepada orang ramai yang terdiri daripada semua masyarakat kampung dan golongan yang bekerja. Untuk disesuaikan dengan tahap pemikiran mereka, Tuan Guru

Haji Omar telah memilih kitab-kitab yang mudah dan senang difahami untuk diajar kepada mereka. Seperti kitab *Matla'i al-Badrain*, *Dār al-Thamīn*, *Dār al-Farāid*, *Wishāḥ al-Afrāh*, *Hidayah al-Sālikīn* dan beberapa kitab lain lagi.

3

Tuan Guru Hj. Omar turut dibantu semasa sesi pengajarannya oleh beberapa orang pembantu yang dipanggil (ketua telaah). Pembantu-pembantu beliau terdiri daripada pelajar-pelajar lama yang tamat pengajian dan ada juga yang masih lagi belajar di situ, antara pembantu yang sering menolong beliau ialah seperti, Yusof (Kampung Bari), Paksu Che Mat (Kampung Gerai), Che Muda (Setiu), Cikgu Ali (Besut) dan beberapa orang lagi.<sup>14</sup> Penglibatan mereka juga adalah satu persiapan yang baik bagi membolehkan mereka menjadi guru di kemudian hari.

Selain mengajar di surau pondok, Tuan Guru Haji Omar turut mengajar di luar. Kebiasaan pada malam Jumaat beliau akan pergi ke masjid Kampung Raja untuk mengajar di sana. Beliau mengajar di situ atas permintaan Tengku Long sendiri. Pendengar yang hadir pada malam itu juga terdiri daripada masyarakat kampung dan kaum kerabat diraja. Cara pengajaran beliau di masjid ini agak berlainan sedikit, memandangkan beliau lebih menekankan kepada kaedah syarahan di dalam pengajarannya.

Tuan Guru Haji Omar bukan hanya mengajar golongan lelaki sahaja , bahkan beliau turut mengajar golongan wanita. Untuk tujuan itu beliau telah memperuntukkan petang Jumaat bagi menyampaikan kuliahnya. Kuliah ini kebiasaan<sup>15</sup>nya diadakan di surau berhampiran rumah Tuan Guru.<sup>15</sup>

Selain daripada mengajar Kitab, Tuan Guru Haji Omar juga turut mengajar pelajarnya berzanji dan marhaban. Kebiasaan aktiviti ini akan berlangsung selepas daripada Solat Isyak. Pada setiap malam Selasa pula beliau sering mendapat jemputan daripada Tengku Long untuk mengajar berzanji atau Marhaban di masjidnya.<sup>16</sup>

Selain daripada cuti mingguan, pelajar-pelajar di Pondok Tuan Guru Haji Omar tidaklah belajar sepanjang tahun, mereka juga turut mempunyai cuti rasmi iaitu cuti di sepanjang bulan Ramadhan. Pada saat itu pelajar-pelajar dibenarkan pulang ke kampung halaman masing-masing. Cuti tidak rasmi pula meliputi cuti Hari Jumaat 15 Syaaban, hari Isra' Mi'raj dan 1 Muharram setiap tahun.

#### 4.2.1.5 Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran

Dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, kaedah pengajian merupakan alat penyambung atau alat penggerak dua hala iaitu daripada pihak pengajar dan pelajar yang amat berkesan. Kerana ia merupakan jambatan yang menghubungkan antara guru dan murid dalam menyampaikan ilmu, fikiran, kemahiran dari guru kepada murid. Kejayaan pendidikan banyak bergantung kepada keberkesanan kaedah. Di samping itu, kaedah yang baik juga dapat menghilangkan rasa jemu ketika belajar.

Dalam hal ini, Imam al-Ghazali menyarankan supaya pengajar atau pendidik menyampaikan pelajaran mengikut kadar kesahaman dan peringkat pencapaian akal fikiran pelajar-pelajar.<sup>17</sup>

Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Maimun ibn Abi Syabib:

عن ميسون بن أبي شيبة، أن عائشة مربها سائل فأعطته كسرة، ومر بها (عليها) رجل  
عليه ثاب وهبة فأقعدته فاكل، فقيل لها في ذلك، فقالت: قال رسول الله صلى الله عليه  
وسلم: ((أنزلوا الناس منازلهم))

Terjemahannya : Dari Maimun ibn Abu Syabib. Bahawa telah datang kepada Aisyah a.s seorang peminta, lalu beliau (Aisyah) memberinya sekeping roti. Kemudian datang selepas itu seorang lelaki yang berpakaian segak lagi tampan lantas beliau mempersilakan lelaki itu duduk dan memberinya makan. Ekoran daripada itu Aisyah dipersolkan berhubung dengan perlakuan itu. Dan ia menjawab bahawa Rasulullah pernah bersabda : ( Lakukan olehmunya kepada manusia mengikut kemampuan mereka) <sup>18</sup>

Dalam menyampaikan pelajaran, Tuan Guru Haji Omar turut mempraktikkan beberapa kaedah yang menjadi asas pengajarannya. Antara kaedah yang beliau gunakan ialah :

3

#### 4.2.1.5.1 Menadah Kitab

Kaedah yang diamalkan oleh Tuan Guru Haji Omar sama seperti yang diamalkan di Masjid al-Haram. Pelajar-pelajar akan duduk bersila menghadapnya di mana-mana tempat yang difikirkan selesa. Selepas itu, pelajar-pelajar diminta menadah kitab masing-masing. Seterusnya beliau akan menerangkan isi kandungan kitab yang dibaca. Pelajar-pelajarnya pula akan menulis apa yang diterangkan di dalam kitab masing-masing.

Kadang-kala beliau akan menetapkan seorang pelajar membacanya atau secara bergilir-gilir membacanya dari satu baris ke satu baris, Tuan Guru akan mengikuti bacaan kemudian menghuraikan dan mensyarahkannya, manakala pelajar-pelajar lain akan mencatat (*mendhabit*) apa-apa yang perlu, di tepi kitab masing-masing.

Amalan biasa yang terdapat- dalam sistem pendidikan tradisional turut diikuti dalam pembelajaran Tuan Guru Haji Omar. Dalam kuliah, Tuan Guru akan menerangkan satu persatu maksud kandungan ayat yang dibaca, dan setelah tamat sesebuah kitab atau pembentangan, pelajar-pelajar akan diberi peluang bertanya. Dalam sesi soal jawab ini, pelajar-pelajar

akan mengemukakan soalan dan disusuli jawapan atau penerangan daripada Tuan Guru. Dalam sistem pendidikan yang tidak mempunyai papan hitam ini, kebiasaanya kitab-kitab dibaca berulang kali, sebelum kitab-kitab baru diketengahkan.

Selepas menerima pelajaran di surau, iaitu tempat Tuan Guru menyampaikan kuliahnya. Pelajar-pelajar akan kembali ke pondok masing-masing untuk mengadakan halaqah perbincangan sesama mereka. Oleh kerana setiap pondok kebiasaanya didiami oleh empat hingga lima orang pelajar, maka majlis perbincangan ini diadakan di pondok masing-masing. Dalam keadaan seperti ini, pelajar-pelajar lama dan berkebolehan diberi tugas untuk mengepalai perbincangan dan memberi kefahaman terhadap pelajaran yang disampaikan oleh Tuan Guru.<sup>19</sup>

#### **4.2.1.5.2 Hafalan**

Kaedah hafalan juga menjadi amalan pendidik pada zaman silam. Kaedah hafalan ditonjolkan dalam pembelajaran ilmu-ilmu Islam, kerana ia bukan sahaja dapat membantu seseorang dalam menguatkan ingatan dan menajamkan otak, bahkan dapat mendorong individu tersebut beriman dan mengabdikankan dirinya kepada Allah. Kaedah ini turut diamalkan oleh Tuan Guru Haji Omar di dalam pengajarannya. Kebiasaannya beliau akan

mengarahkan pelajar-pelajarnya menghafaz pelajaran *Nahu* dan *Soraf* seperti *Kitab Mutammimah*, *Matan al-ajrumiyah* dan *Bait-bait Syair*, menghafal potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis serta menghafaz pelajaran Tauhid tentang sifat-sifat Allah. Lazimnya pelajar-pelajarnya akan menghafaz pada waktu malam secara bersendirian, kemudian mereka akan mengulang hafalan selepas waktu Asar di hadapan Tuan Guru Haji Omar secara bergilir-gilir. Pelajaran baru tidak akan diberi selagi beliau tidak berpuas hati dengan hafalan pelajar-pelajarnya.

Kesimpulannya pengkaedahan dalam pendidikan amat dititikberatkan kerana amalan ini merupakan asas bagi memantapkan diri dengan ilmu-ilmu yang dipelajari. Diwaktu yang sama mampu mempercepatkan pemahaman pelajar berhubung ilmu yang diajar juga merupakan pendorong bagi mencetuskan pembelajaran dengan lebih efektif.

#### **4.2.1.6 Sukatan Pelajaran**

Maksud bidang atau sukanan pelajaran di sini ialah jenis-jenis pelajaran atau kitab-kitab yang diajar. Pelajaran-pelajaran yang diajar merangkumi semua bidang ilmu seperti, *Feqah*, *Tauhid*, *Tasawwuf*, *Bahasa Arab*, *Hadis* dan *Tafsir*. Kesemua kitab yang diajar oleh Tuan Guru Haji Omar terdiri daripada kitab jawi dan Arab. Di sini dikemukakan nama-nama kitab yang digunakan mengikut bidang pelajaran masing-masing.

Dalam bidang Feqah, antara kitab-kitab yang digunakan ialah; *Fath al-Qarīb*, *al-Iqnā'*, *Fath al-Wahāb*, *I'ānah al-Tālibīn*, *al-Tahrīr*, *Matla'i al-Badrain*, *Wisyāḥ al-Afrāḥ* dan *al-Mahallī*.

3

Manakala dalam bidang Tauhid pula, kitab-kitab yang diajar termasuklah, *Kitab Dār al-Thamīn* dan *Dār al-Farāid*.

Untuk bidang Tasawuf, diantara kitab-kitab yang diajar ialah; *Minhāj al-Ābidīn*, *Minhāj al-Tālibīn* dan *Hidayah al-Sālikīn*.

Bagi bidang Hadith pula, kitab-kitab yang diajar termasuklah *Hadith al-Muwatta' Imām Maṭlīk*, *Hadīth Bukhārī* dan *Muslim*.

Seterusnya untuk bidang Tafsir, antara kitab-kitab yang diajar ialah *Tafsir al-Jalalīn* dan *Futuhah al-Ilāhiyyah*.

Bagi pelajaran Nahu dan Soraf, antara kitab-kitab yang digunakan ialah; *Qatr al-Nadā*, *Syarḥ al-Mukhtaṣar al-jūrumiyyah*, *Syuzūz al-Zahab*, *Syarḥ al-İbnu 'Aqīl* dan *al-Ashmūni*.

Selain daripada itu ada lagi kitab-kitab Hadith, Tafsir, Feqah dan sebagainya yang muktabar yang digunakan oleh Tuan Guru Haji Omar sebagai rujukan, dan ini termasuklah *Kitab al-Umm*.<sup>20</sup>

#### **4.2.2 Kejayaan Tokoh Dalam Membentuk Pelajar**

Tujuan utama di dalam pendidikan Islam ialah memberi ilmu dan melatih supaya beramal dengan ilmu. Peribadi yang sanggup beramal dengan ilmunya ialah mujahid-mujahid Islam dan pewaris Rasulullah s.a.w yang bertanggungjawab menyebar dan mengembangkan agama suci itu selepas kewafatannya. Rasulullah s.a.w dimasa hayatnya bukan sahaja bersungguh-sungguh dalam menyampaikan ilmu, tetapi melatih mereka supaya beramal dengannya. Dengan bertindak demikian Junjungan tidak ketandusan daripada para-para sahabat yang berwibawa bagi menyambung dakwah Islamiyah selepas kewafatannya.

Kesinambungan itu telah pun berlaku dari satu generasi kepada suatu generasi tanpa putus-putus bagi mempertahan dan mengembangkan ajaran Islam ke seluruh dunia.<sup>21</sup>

Demikianlah perlaksanaan yang turut diamalkan oleh Tuan Guru Hj. Omar di dalam pendidikannya. Memandangkan beliau juga adalah kelahiran daripada pusat pengajian pondok yang berjaya. Beliau juga ingin melahir ilmuan-ilmuan Islam yang berwibawa dan diakui sebagai ulama lahir daripada institusi pengajiannya. Di samping itu juga, Tuan Guru Haji Qmar ingin melahirkan tokoh-tokoh ulama yang sanggup menyambung risalah

perjuangannya, di saat yang sama mampu melahirkan pula tokoh-tokoh ulama yang berjaya menyebar dakwah Islam kepada masyarakat.

Oleh kerana itulah, semasa pengajaran beliau sering memberi kata-kata perangsang kepada pelajarnya agar berusaha bersungguh-sungguh dan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Pada masa yang sama beliau turut menunjukkan contoh akhlak yang terbaik kepada pelajar-pelajarnya. Kerana tingkah laku Tuan Guru, ketakwaan dan kesederhanaan hidup menjadi sumber inspirasi penting untuk diteladani oleh pelajar di dalam membina keperibadian dan perwatakannya. Berkat daripada bimbingan Tuan Guru Haji Omar, ramai daripada kepimpinan di Besut berada di tangan generasi yang merupakan lepasan pengajian pondok beliau. Mereka itu ada yang menjadi Imam , Bilal, Tok Guru pondok serta pemimpin tempatan.

◆◆◆

Mengikut kajian yang telah dibuat, ramai di kalangan pelajar-pelajarnya menjawat jawatan yang penting di dalam bidang Agama seperti :

#### **4.2.2.2 Guru Sekolah Moden**

Pelajar-pelajar beliau tidak hanya terbatas sebagai Imam sahaja. Malah ada sebilangan kecil daripada mereka yang menjawat jawatan sebagai guru di sekolah-sekolah moden. Mereka ialah :

- i. Che Latif - guru di Sekolah Rendah Setiu, Terengganu.
- ii. Abdul Rahman - guru di Sekolah Rendah Setiu, Terengganu.
- iii. Haji Jamal - guru di Sekolah Rendah Setiu, Terengganu.
- iv Che Wan Che Nal Haji Jusoh – Sekolah Rendah Kuala Berang, Terengganu.
- v Haji Ismail Mohamad - guru Sekolah Rendah Kampung Raja,Besut.
- vi Haji Ali Yaakob – guru di Sekolah Rendah Kampung Raja, Besut, Terengganu<sup>23</sup>

#### **4.2.2.3 Pengasas Pusat Pengajian Pondok**

Walaupun ramai daripada keluaran pondok beliau yang berjaya menjawat pelbagai jawatan yang tinggi di dalam sektor agama. Namun begitu tidak ramai yang berminat untuk membuka pusat pengajian mereka sendiri. Melalui kajian penulis mendapati hanya dua orang sahaja daripada pelajar-

pelajar beliau yang berjaya membuka pusat pengajian pondok. Mereka ialah:

- i. Haji Abdul Latif Awang - membuka Pondok di Alor Keladi, Besut.
- ii. Haji Harun Taufik - membuka Pondok di Yala, Thailand<sup>24</sup>

#### **4.2.2.4 Menjawat Jawatan Penting Dalam Kerajaan**

Pusat pengajian beliau bukan hanya mampu melahirkan cendikiawan-cendekiwan agama sahaja. Bahkan juga mampu melahirkan cerdik pandai daripada pelbagai bidang. Misalnya ada dari kalangan pelajar-pelajar beliau yang bergiat dalam bidang politik dan kehakiman. Mereka ialah seperti :

- i. Dato' Dr. Yusof Noor - merupakan bekas Menteri Perusahaan Utama Malaysia, bekas ahli Parlimen Besut dan sekarang ini memegang jawatan sebagai ketua Umno Bahagian Besut.
- ii. Dato' Abu Bakar Ahmad - pernah memegang jawatan sebagai Ahli Dewan undangan Negeri Terengganu.
- iii. Tun Salleh Abas - pernah memegang jawatan sebagai ketua Hakim Negara dan sekarang ini menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri

Terengganu dan turut menjawat jawatan sebagai anggota exco Kerajaan Negeri Terengganu.<sup>25</sup>

Berkat daripada kegigihan dan keikhlasan Tuan Guru Haji Omar, akhirnya penat lelah beliau terbayar dengan munculnya ramai cerdik pandai agama, politik dan kehakiman lahir daripada pusat pengajian beliau.

#### **4.3 Sambutan Masyarakat Setempat Terhadap Pendidikan Yang Dibawa Oleh Tokoh.**

Identiti Tuan Guru merupakan sumber utama bagi pengekalan institusi pondok. Justeru itu, kebanyakan pondok yang terdapat di mana sekalipun dan walau apa nama yang diberikan, namun masyarakat lebih mengenali menerusi nama atau gelaran tuan guru itu sendiri. Tuan guru juga amat disegani dan disanjungi oleh masyarakat kerana kealiman dan kewarakannya. Malah mereka dianggap sebagai insan yang serba boleh atau sebagai “Manusia Ensiklopedia”<sup>26</sup>. Peranan yang dimainkan oleh Tuan Guru adalah sama dengan kiyai dalam masyarakat Jawa. Tuan guru juga dianggap sebagai seorang yang mulia memandangkan mereka dianggap berkebolehan dan berketerampilan dalam pelbagai bidang, sama ada dalam bidang pendidikan, kemasyarakatan, perubatan mahupun dalam bidang politik.

Ketokohan Tuan Guru pondok di sekitar kurun yang ke-19 amat sukar ditandingi. Mereka bukan sahaja mempunyai ilmu Islam yang mendalam, sehingga sampai ke tahap yang diyakini tetapi amat kuat berpegang dengan ilmu, warak dan bertaqwa. Gerak geri dan tingkah lakunya sentiasa berpandu dengan akhlak Islam yang dicontohi daripada Rasulullah s.a.w.<sup>27</sup>

Demikianlah pandangan masyarakat terhadap Tuan Guru Haji Omar. Beliau begitu disayangi dan disanjung tinggi oleh masyarakatnya disebabkan kealiman dan kewarakannya. Lebih-lebih lagi kewujudan pondok beliau mendapat sokongan yang padu daripada masyarakat melalui penghantaran anak-anak mereka untuk belajar di situ.

Tuan Guru Haji Omar juga sentiasa dihormati tidak kira di mana beliau berada. Sekembalinya dari Mekah, beliau telah disambut meriah oleh masyarakat setempat yang awal-awal lagi telah menunggu beliau di pelabuhan Kuala Terengganu.<sup>28</sup>

Masyarakat juga menganggap beliau sebagai seorang yang mempunyai keberkatan. Kerana mereka beranggapan bahawa apabila seseorang itu bertaqwah kepada Allah, pasti Allah akan mengurniakan mereka dengan keberkatan. Lantaran ~~halah~~ ramai di kalangan mereka yang mengambil kesempatan untuk mendampingi tuan guru. Apa sahaja majlis yang diadakan, beliau tidak pernah dikecualikan daripada menerima jemputan. Biasanya beliau akan diberi keutamaan untuk memimpin sesuatu majlis seperti tahlil, sembahyang hajat, membela mulut dan lain-lain lagi.

Memandangkan beliau adalah seorang Tok Guru yang rapat dengan masyarakat. Beliau sering menjadi tempat mengadu kepada banyak perkara. Antaranya beliau sering didatangi oleh orang yang ingin mendapat rawatan, dan ada juga yang datang untuk mendapat khidmat nasihat darinya. Antaranya ada di kalangan mereka yang datang untuk meminta pendapat beliau berhubung soal untuk mendapatkan masa dan tarikh yang sesuai bagi majlis kenduri kahwin dan ada juga yang datang untuk menentukan tarikh yang sesuai bagi pelayaran. Bagi memenuhi permintaan masyarakat, Tuan Guru Haji Omar telah menetapkan hari Selasa sebagai hari khas bagi menerima tetamu. Pada hari tersebut beliau hanya mengajar pada sebelah pagi sahaja, manakala masa yang selebihnya beliau gunakan untuk mendengar permasalahan mereka.<sup>29</sup>

Sebagai seorang yang alim, beliau bukan sahaja disanjung oleh masyarakat bahkan beliau turut disayangi oleh Raja pada waktu itu. Memandangkan Raja Besut pada waktu iaitu (Tengku Long) seorang yang cintakan ilmu pengetahuan agama. Maka tidak hairanlah sekiranya Baginda amat kasih terhadap Tuan Guru Haji Omar. Bagi menunjukkan rasa kepercayaannya, Baginda turut menghantar anaknya Tengku Mat untuk belajar dengan Tuan Guru Haji Omar. Di samping itu juga sekiranya pihak istana mengadakan apa-apa majlis, Baginda sering menjemput Tuan Guru Haji Omar untuk memimpin tahlil dan membaca doa selamat.<sup>30</sup>

Hasil daripada didikannya, Tuan Guru Haji Omar telah berjaya membentuk sebuah masyarakat yang suka bergotong-royong dan menderma. Ini dapat dilihat ketika tibanya Bulan Ramadhan masyarakat Kampung Beris dan kawasan sekitar akan datang ke surau beliau untuk sama-sama bergotong-royong memasak bagi berbuka puasa. Mereka yang datang bukanlah dengan tangan kosong sahaja, malah mereka turut membawa bersama beras, ikan kering dan lain-lain lagi untuk dijadikan bahan masakan.

#### **4.4. Kesan Pendidikan Tokoh Terhadap Generasi Di Daerah Besut Pada Masa Kini.**

Dalam perkembangan pendidikan Islam di daerah Besut, Tuan Guru Haji Omar merupakan seorang tokoh yang bertanggungjawab menyampaikan ilmunya kepada masyarakat dan berjuang membentuk orang ramai menerusi pemupukan nilai-nilai Islamiyah. Penyebaran dakwah beliau melalui institusi pengajian pondok telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat setempat dan juga masyarakat luar.

Sejak pembukaan pondok beliau, ratusan pelajar telah keluar daripada institusi pengajian tersebut. Matlamat utama didirikan pondok tersebut ialah untuk menyampaikan pelajaran agama kepada pelajar-pelajarnya, agar mereka dapat beramal dalam kehidupan mereka dan memimpin hal-hal keagamaan di dalam qariah masing-masing. Berkat kegigihan Tuan guru Haji Omar, maka lahirlah ramai tokoh agama yang menjadi penyambung kepada perjuangan beliau.

Antara tokoh yang paling berjasa dalam pendidikan Islam di Besut pada masa kini ialah :

#### **4.4.1 Tuan Guru Haji Abdul Latif bin Awang**

Tuan Guru Haji Latif adalah anak tempatan Besut. Beliau dilahirkan di Kampung Pulau Berangan, Besut pada tahun 1915. Beliau juga merupakan pelajar kesayangan dan harapan Tuan Guru Haji Omar untuk meneruskan usaha pendidikannya di Kampung Beris. Dengan harapan itu juga Tuan Guru Haji Omar turut berhasrat untuk menjadikan beliau menantunya. Namun takdir telah menentukan, anak yang ingin dikahwininya itu terlebih dahulu dipanggil oleh Allah taala.<sup>31</sup>

Setelah menjadi murid kepada Tuan Guru Haji Omar dan pernah menjadi murid Tuan Guru Haji Abbas di Bukit Puteri, Jerteh, beliau memilih untuk menyambung pelajaran di Mekah. Beliau tinggal di sana selama lapan belas tahun, mempelajari pelbagai ilmu agama. Guru beliau ketika di Mekah ialah Tuan Guru Ahmad Ijazi Fakeh. Beliau telah mengkhususkan dirinya dalam bidang bacaan al-Quran dan telah mendapat sijil dari gurunya kerana kebolehannya dalam aspek tersebut.

Sekembalinya dari Mekah pada tahun 1949, Tuan Guru Haji Latif telah pulang ke kampung asalnya Pulau Berangan, Jerteh. Beliau kemudiannya berpindah ke Alor Keladi, Jerteh apabila keluarganya membeli tanah seluas empat ekar di situ. Di sini beliau telah disambut baik oleh masyarakat setempat dan mereka turut menjemput beliau mengajar al-Quran

darjah dengan bilangan pelajar lebih kurang seramai (900) pelajar daripada tingkatan satu hingga tingkatan empat.<sup>34</sup>

Walaupun begitu, pondok Alor Keladi ini telah berjaya melahirkan ramai cendikiawan Islam dari pelbagai peringkat. Antaranya ada yang menjadi imam, guru sekolah moden, ahli politik dan lain-lain lagi. Antara pelajar-pelajar beliau yang berjaya ialah seperti Haji Abdul Latif Mohamad yang merupakan pembantu Tuan Guru yang pernah memegang jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu dan juga merupakan pengasas kepada perkampungan Islam (*Matlai al-Badrain*) di Kampung Jabi, Setiu. Antara pelajar beliau lagi ialah Haji Mustafa Ibrahim. Beliau merupakan menantu Tuan Guru dan sekarang ini menjawat jawatan mudir di Madrasah Darul Islah, Padang Luas, Jerteh.

Selain itu ramai lagi pelajar Tuan Guru Hj Abd. Latif yang berjaya dalam pelbagai bidang. Ada dari kalangan mereka menjadi imam, guru sekolah moden, ahli politik dan bermacam-macam lagi.<sup>35</sup>

#### **4.4.2 Haji Mohd Yusof bin Abu Bakar**

Haji Mohd Yusof atau dikenali sebagai Yusof (Bari) dilahirkan pada tahun 1884 di Kampung Bari Setiu, Terengganu. Beliau juga merupakan pelajar kesayangan Tuan Guru Haji Omar. Sebelum belajar dengan Tuan Guru Haji Omar beliau pernah menuntut di pondok Tok Ku Paloh di Kuala Terengganu. Selepas kematian Tok Ku Paloh beliau telah berpindah ke pondok Tuan Guru Haji Omar.<sup>36</sup>

Haji Yusof merupakan seorang yang pelajar yang aktif lagi rajin. Di pondok beliau telah diberi kepercayaan oleh Tuan Guru Haji Omar untuk menjadi pemimpin atau ketua telaah bagi pelajar-pelajar pondok. Disamping belajar di pondok, beliau turut menerima undangan untuk mengajar di masjid-masjid. Menurut Haji Wan Junoh, selalunya Haji Yusof akan berbasikal untuk ke tempat mengajar. Walaupun beliau seorang yang berilmu, Haji Yusof lebih berminat untuk mengajar di masjid dan surau daripada terikat menjadi imam di sesuatu tempat. Di samping itu beliau juga mempunyai jadual pengajaran yang padat, boleh dikatakan setiap hari masa beliau dipenuhi dengan aktiviti pengajaran.<sup>37</sup>

Berkat daripada kegigihannya, beliau telah berjaya melahirkan ramai tokoh agama. Di kalangan mereka, ramai yang menjawat jawatan imam seperti, Haji Mohd Yasin Ahmad - menjadi imam di masjid pantai Air

Tawar, Besut, Pak Muda Wan Nawang – imam di masjid Gong Bayor, Besut dan Pak Long Haji Ismail – imam di masjid Kubang Ikan, Besut dan lain-lain lagi. Antara pelajar beliau juga ialah Tuan Guru Haji Abd. Latif Awang, pengasas pondok Alor Keladi, Besut. Haji Yusof juga amat bertuah kerana ada di kalangan anak-anak beliau yang turut mengikut jejak langkahnya. Menurut Ismail, adik bongsunya ( Sulaiman ) mempunyai kehebatan yang lebih daripada bapanya dari segi pengajaran, memandangkan beliau tidak melihat kitab semasa mengajar. Namun begitu usianya (Sulaiman) tidak panjang dimana beliau meninggal dunia dalam usia yang sangat muda.

Akhirnya pada tahun 1981 dalam usia sembilan puluh lapan tahun, Haji Yusof telah menghembuskan nafas yang terakhir di Kampung Pinang, Besut. Kematian beliau dikatakan akibat daripada sakit tua.<sup>38</sup>



#### **4.5 Pandangan Masyarakat Sekitar Terhadap Sumbangan Tokoh**

Apabila seseorang itu benar-benar yakin dan ikhlas menyampaikan ajaran Islam, sudah pasti Allah akan mengurniakannya dengan pelbagai kemuliaan. Mereka bukan sahaja dimuliakan oleh makhluk di muka bumi, malah turut dihormati oleh makhluk di langit.

Sebagai seorang yang terkenal dengan alim dan warak, Tuan Guru Haji Omar sentiasa dikenang oleh segenap lapisan masyarakat. Hasil daripada penelitian dan penyelidikan penulis berhubung pandangan masyarakat terhadap sumbangan Tuan Guru Haji Omar, penulis cuba membahagikannya kepada dua peringkat masyarakat.

##### **4.5.1 Masyarakat Pada Zaman Tuan Guru Haji Omar**

Masyarakat pada zaman ini merasa begitu bertuah kerana dapat hidup pada zaman tersebut dan dapat berguru dengan Tuan Guru Haji Omar secara langsung. Bagi pelajar-pelajar beliau, mereka turut merasa bangga kerana dapat belajar dan mengambil keberkatan daripada seorang Tuan Guru yang dianggap sebagai wali-Allah Taala. Mereka turut memberi pengiktirafan kepada kealiman dan kewarakaran Tuan Guru dan menganggap bahawa sukar untuk mencari pengganti yang berwibawa seperti beliau. Mereka turut merasa bersyukur kerana dengan ilmu yang dicurahkan oleh

Tuan Guru Haji Omar itu, mereka dapat sumbangkan kepada orang lain pula.<sup>39</sup>

#### 4.5.2 <sup>3</sup> Masyarakat Zaman Sekarang

Walaupun tidak sempat dengan Tuan Guru Haji Omar, namun masyarakat Besut pada hari ini turut merasa bangga kerana adanya ulama seperti beliau.

Bagi masyarakat Kampung Beris pula, mereka merasa amat bertuah kerana dapat hidup di kampung yang pada suatu ketika dulu pernah muncul sebagai pusat pengajian pondok yang terkenal di Besut. Mereka juga turut memuji Tuan Guru Haji Omar kerana berjaya mendirikan pusat pengajian pondok di situ dan pada waktu yang sama mampu melahirkan ramai cendikiawan Islam yang seterusnya menjadi penyambung kepada usaha dakwah beliau. Di samping itu, mereka turut menyuarakan rasa sedih kerana tiada usaha untuk menghidupkan kembali institusi pondok di situ.<sup>40</sup>

Walaupun Tuan Guru Haji Omar sudah lama meninggalkan kita, namun masyarakat Besut masih lagi mengingati jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh beliau. Sebagai tanda pengiktirafan terhadap jasa dan pengorbanannya, pihak kerajaan telah mengabadikan sebatang jalan di Kampung Raja, Besut dengan nama beliau.

Bagi tujuan menyambung kembali usaha yang telah dicurahkan oleh Tuan Guru Haji Omar , masyarakat setempat turut berusaha bagi menghidupkan kembali surau beliau dengan aktiviti sembahyang jemaah lima waktu, aktiviti pengajian agama serta majlis berzanji dan marhaban. Apa yang pasti pada hari ini, surau tersebut sentiasa dikunjungi oleh masyarakat kampung yang ingin berjemaah di situ. Manakala pada setiap hari Jumaat dan Sabtu pula akan diadakan program kuliah agama . Biasanya majlis ini akan dipimpin oleh beberapa orang Ustaz yang dijemput khas daripada kawasan sekitar.<sup>41</sup>

Walaupun terdapat di kalangan masyarakat yang cuba membangunkan kembali perjuangan yang telah diasaskan oleh Tuan Guru Haji Omar, namun begitu tidak kurang juga yang mengambil kesempatan melalui populariti beliau untuk memujanya ke atas kekhurafatan. Antaranya ada di kalangan mereka yang memuja kubur beliau bagi mendapatkan nombor ekor dan lain-lain permintaan.<sup>42</sup>

#### **4.6 Penilaian Penulis Berhubung Sumbangan Tokoh Di Dalam Pendidikan Islam Di Daerah Besut.**

Setelah membuat pelbagai penyelidikan dan penelitian terhadap sumbangan yang dicurahkan oleh Tuan Guru Haji Omar. Penulis cuba mengemukakan pandangan penulis sendiri berhubung sumbangan beliau dalam pendidikan Islam di daerah Besut. Di sini penulis ingin mengemukakan beberapa pendapat antaranya ialah :

##### **4.6.1 Antara Faktor Kejayaan Tokoh Mendidik Pelajar**

###### **4.6.1.1 Keikhlasan Pendidik Mencurahkan Ilmu**

Antara faktor kejayaan ulama pada abad yang ke-19 dalam pendidikan kerana keikhlasan mereka sukar ditandingi, memandangkan mereka tidak mengambil apa-apa bayaran atas pengajaran yang dicurahkan. Demikianlah yang turut berlaku terhadap Tuan Guru Haji Omar. Ini kerana beliau menolak sebarang pemberian upah atas pendidikan yang dicurahkan. Penolakan ini berlaku ketika beliau tidak menerima pemberian gaji daripada Tengku Long (Raja Besut) sebagai balasan terhadap pengajaran yang disumbangkan.

#### **4.6.1.2 Sikap Dan Peribadi Pelajar**

Pelajar-pelajar pada zaman Tuan Guru Haji Omar juga tergolong dari kalangan mereka yang benar-benar ikhlas di dalam pengajian. Penuntut- penuntut yang datang ke pondoknya, pada umumnya ialah yang ada kemauan sendiri untuk mendalami ilmu-ilmu Islam. Ini terbukti walaupun mereka tidak dijanjikan dengan pekerjaan yang khusus. Namun mereka tetap meneruskan pengajian sehingga ke peringkat yang tertinggi.

Sikap pelajar pada zaman beliau juga amat berbeza dengan pelajar sekarang. Ini kerana pelajar pada ketika itu, begitu menghormati dan menyanjungi guru. Mereka juga berlumba-lumba untuk berbakti kepada guru. Antaranya mereka sering membantu guru dalam melakukan kerja-kerja seperti membersih kebun, membelah kayu dan lain-lain lagi. Ekoran daripada itu, ia dapat membantu ~~mudahkan~~ lagi tugas guru untuk menyampaikan pengajaran kepada mereka dan pada waktu yang sama dapat membantu pelajar-pelajar mendapat keberkatan daripada ilmu-ilmu yang dipelajari.

#### **4.6.1.3 Menjadikan Masjid Dan Surau Sebagai Tempat Pengajian**

Langkah Tuan Guru Haji Omar memilih masjid dan surau sebagai tempat pengajian merupakan suatu daripada identitinya yang unik dan berbeza dengan institusi pengajian moden sekarang. Ini kerana selain

daripada dijadikan tempat ibadat, masjid juga turut dijadikan pusat pengajian agama pada zaman Rasulullah s.a.w. Kerana berpunca daripada bangunan-bangunan tersebut, dapat menghasilkan suasana persekitaran yang (*muqaddas*) mulia dari segi kegiatan ibadat dan hubungan antara pelajar dengan guru.

#### **4.6.1.4 Menubuhkan Pusat-Pengajian Pondok**

Selain itu pondok-pondok di institusi pengajian beliau turut di bina secara berkelompok dan berdekatan antara satu sama lain. Langkah ini juga berjaya menanamkan konsep perpaduan dan rasa persefahaman antara satu sama lain, dalam jiwa para pelajar.

Boleh dikatakan rumah-rumah kecil yang didirikan secara tersusun sebagai tempat tinggal pelajar, dalam bentuk yang serupa mengandungi ciri-ciri yang sama, melambangkan identiti dan falsafah institusi pengajian pondok itu sendiri. Dari segi falsafahnya, situasi pondok tersebut boleh menghasilkan pembentukan keperibadian yang sempurna. Perasaan kasih sayang dan saling hormat menghormati tanpa mengira pangkat atau darjah, tertanam pada jiwa mereka.

Persekuturan kawasan pondok juga turut terkawal daripada sebarang maksiat. Ini kerana dengan adanya Tuan Guru dan kewujudan kawasan

pondok-pondok, menyebabkan masyarakat sekitar merasa malu untuk melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran agama.

3

#### **4.6 Kesimpulan**

Kesimpulannya, dengan keikhlasan dan kegigihan yang ditunjukkan oleh Tuan Guru Haji Omar dalam menyampaikan pengajarannya, disertai dengan kegigihan pelajarnya mendalami ilmu pengetahuan agama, telah berjaya membentuk suatu generasi ilmuan yang berwibawa. Hasilnya, telah lahirlah daripada pusat pengajian beliau, cendikiawan-cendikiawan dan ulama-ulama yang mampu membawa perubahan dalam masyarakat di samping berupaya melahirkan generasi Rabbani yang menjadi pewaris kepada perjuangan Rasulullah s.a.w.



## **Nota Hujung**

- <sup>1</sup> Ustāz Maḥyuddīn Ṣābir (Dr) (1998), *Al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsi*, Al-Munazzomah ǧl-'Arabiyyah Li al-Tarbiyyah Wa al-Thaqāfah Wa al-'Ulūm, hal. 951
- <sup>2</sup> Haji Zainal Abidin Safarwan,(1995), *Op.Cit*, hal. 1450
- <sup>3</sup> Kamarudin Abu & Ee Ah Meng, (1995),*Op.Cit*, hal. 214-215
- <sup>4</sup> Muhammad Abu Bakar,(1991), *Op.Cit*, hal. 70
- <sup>5</sup> *Ibid*, hal. 70
- <sup>6</sup> Temuramah dengan Haji Mohd Yasin Abu Bakar, *Op.Cit*.
- <sup>7</sup> Temuramah dengan Tengku Izan b. Tengku Abd. Rahman, 3 Feb 2001
- <sup>8</sup> Temuramah Haji Wan Junoh Yusof, *Op.Cit*.
- <sup>9</sup> Temuramah Haji Mohd Yasin Abu Bakar, *Op.Cit*.
- <sup>10</sup> Majalah Pengasuh, (1996),*Op.Cit*, hal. 45
- <sup>11</sup> Haji Abdullah Ishak,(1995), *Op.Cit*, hal. 200
- <sup>12</sup> Temuramah dengan Haji Wan Junoh Yusof, *Op.Cit*.
- <sup>13</sup> Temuramah dengan Haji Mohd Yasin Abu Bakar, *Op.Cit*
- <sup>14</sup> **Majalah Pengasuh**, (1996),*Op.Cit*, hal. 45.
- <sup>15</sup> Temuramah dengan Haji Wan Junoh Yusof, *Op.Cit*.
- <sup>16</sup> **Majalah Pengasuh**, (1996),*Op.Cit*, hal. 17
- <sup>17</sup> Haji Adullah Ishak (1995), *Op.Cit*, hal.211-212
- <sup>18</sup> Al-Abādī, al-'Allāmah Abī Tayyib Muhammad Syamsuddīn al-Haqq al-'Aẓīm (1990), *'Aun al-Ma'būd Syarḥ Sunan Abi Daud*, Jld 13, Cet 1, Beirut Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal. 131

<sup>19</sup> Temuramah Haji Salim b. Awang, *Op.Cit.*

<sup>20</sup> *Ibid*

<sup>21</sup> Prof Madya Abd Halim El-Muhammady (Dr) (1994), **Pendidikan Islam**

**Peranannya Dalam Pembangunan Ummah**, Selangor: Budaya Ilmu Sdn Bhd, hal. 177-178.

<sup>22</sup> Temuramah Haji Wan Junoh Yusof, *Op.Cit.*

<sup>23</sup> *Ibid*

<sup>24</sup> *Ibid*

<sup>25</sup> Temuramah dengan Haji Mohd Yasin Abu Bakar, *Op.Cit.*

<sup>26</sup> Haji Abdullah Ishak,(1995) *Op.Cit*, hal. 224

<sup>27</sup> Prof Madya Abdul Halim El-Muhammady,(1994), *Op.Cit*, hal. 179

<sup>28</sup> Temuramah dengan Hajjah Wan Saedah Mohd, *Op.Cit.*

<sup>29</sup> Temuramah dengan Haji Mohd Yasin Abu Bakar, *Op.Cit.*

<sup>30</sup> Temuramah dengan Tengku Izan Tengku Abd. Rahman, *Op.Cit.*

<sup>31</sup> Temuramah dengan Haji Wan Junoh Yusef, *Op.Cit.*

<sup>32</sup> Temuramah dengan Timah bt Jusoh (Isteri Tuan Guru Hj Abd Latif Awang) 10 Feb 2001

<sup>33</sup> Temuramah dengan Hj Abd.Latif Mohd (Bekas pelajar Tuan Guru Hj Abd.Latif Awang) 2 Jan 2001

<sup>34</sup> Temuramah dengan Siti Aisyah Abd.Latif ( Anak Tuan Guru Hj Abd.Latif Awang) 10 Feb 2001

<sup>35</sup> Temuramah dengan Hj Mustafa Ibrahim (Menantu Tuan Guru Hj Abd.Latif Awang) 10 Feb 2001

<sup>36</sup> Temuramah dengan Ismail Mohd Yusof ( Anak Hj Yusof Abu Bakar) 8 Feb 2001

<sup>37</sup> Temuramah dengan Hj Wan Junoh Yusof , *Op.Cit* .

<sup>38</sup> Temuramah dengan Ismail Mohd Yusof , *Op.Cit* .

<sup>39</sup> Temuramah dengan Hj Mohd Yasin Abu Bakar, *Op.Cit* .

<sup>40</sup> Temuramah dengan Tengku Izan Tengku Abd.Rahman. *Op.Cit* .

<sup>41</sup> Temuramah dengan Nor Ashikin Mohd Yasin, 3 Feb 2001

<sup>42</sup> Temuramah dengan Ismail Mohd Yusof , *Op.Cit* .